

Pengarah UMS-KAL kunjungi Labuan FSA

UB 28.09.2012 B4

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Ismail Ali telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Ahmad Hizzad Baharuddin di Kompleks Ujana Kewangan Labuan, Selasa lalu.

Ismail bersama Dekan

Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslan Gimba mengadakan perbincangan dengan Ahmad Hizzad berkaitan hubungan dua hala antara kedua-dua pihak.

Beliau berharap hubungan baik yang sedia terjalin selama ini akan berkekalan dan

berterusan untuk kebaikan warga UMS-KAL dan Labuan FSA keseluruhannya.

Katanya, UMS-KAL melalui Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan SSIL akan menjalin hubungan lebih erat berkaitan program akademik ditawarkan kedua-dua sekolah.

“Pengurusan UMS-KAL akan terus menjalinkan hubungan yang lebih baik

dengan Labuan FSA,” katanya.

Turut hadir Pengarah Jabatan Perhubungan dan Korporat, Norashikin Shariff dan Pengurus Unit Komunikasi Korporat dan Acara, Izam Shah Ariff Shah.

AHMAD Hizzad (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Ismail.

